

10/01/1999

PM turun padang (HL)

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menjelajah ke seluruh negara selepas Aidilfitri ini untuk menjelaskan kekeliruan rakyat mengenai perkembangan politik terkini.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini sebahagian daripada tugasnya turun ke padang untuk bertemu pemimpin negeri dan rakyat itu diserahkan kepada timbalannya.

"Saya tak buat lawatan ke negeri agak lama. Saya berpendapat elok kalau saya buat lawatan ke negeri untuk berjumpa dengan ahli parti dan orang ramai kerana mereka sekarang ini nampaknya terkeliru dengan pergolakan politik negara kita," katanya ditanya sebab beliau melepaskan semua portfolio yang pertama kali berlaku sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

Kelmarin, ketika mengumumkan rombakan Kabinet selepas mempengerusikan Mesyuarat Tertinggi (MT) Umno, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno melepaskan portfolionya sebagai Menteri Dalam Negeri kepada Timbalan Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jawatan Menteri Kewangan I pula diserahkan kepada Tun Daim Zainuddin yang turut dilantik Menteri Kewangan baru.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Ibu Pejabat Jabatan Imigresen, di Pusat Bandar Damansara, di sini semalam, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata tujuan beliau berbuat demikian untuk meringankan beban tugasnya yang kini semakin meningkat sejak kegawatan ekonomi.

Tambahan pula, beliau ingin memberi masa yang lebih untuk menguruskan pentadbiran kerajaan.

"Sebelum ini, saya sudah buat satu pusingan (ke seluruh negara) mengenai kegawatan ekonomi. Tetapi, selepas itu kita menghadapi masalah politik pula, dan saya tidak ada kesempatan untuk membuat lawatan ke negeri untuk memberi penjelasan," katanya.

Dalam sidang akhbar itu juga Dr Mahathir ditanya sama ada Abdullah akan menggantikannya sebagai Perdana Menteri, selepas ini.

Beliau berkata, mengikut kebiasaannya, Timbalan Perdana Menteri akan menggantikannya sebagai Perdana Menteri.

"Biasanya, Timbalan Perdana Menteri akan menjadi pengganti Perdana Menteri. Tetapi, saya sudah ada tiga timbalan yang tidak jadi (timbalan perdana menteri).

Jadi, hari ini saya takut untuk berkata apa-apa. Tapi kebiasaannya begitulah ...," katanya.

Abdullah, 59, yang juga Naib Presiden Umno, menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada kerajaan dan parti pada 2 September lalu atas sebab moral.

Sebelum ini beliau memegang jawatan Menteri Luar.

Sejak pemecatan Anwar, Perdana Menteri menghadapi tekanan untuk melantik timbalannya supaya tidak berlaku kekosongan jika sesuatu terjadi kepadanya.

Dr Mahathir sebelum ini pernah menegaskan beliau perlu adil kepada semua pihak dan dengan itu beliau perlu menunggu sehingga selepas pemilihan Umno untuk membuat pelantikan.

Mengikut tradisi, siapa yang menjadi Timbalan Presiden Umno umumnya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir turut menegaskan, pelantikan Abdullah mengambil kira faktor mengukuhkan perpaduan dan meningkat imej parti, selain kualiti calon itu sendiri.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata pilihan raya umum akan diadakan lebih awal daripada pemilihan Majlis Tertinggi (MT) Umno kerana mandat kerajaan akan berakhir tempohnya kira-kira 16 bulan mulai sekarang.

(END)